

B647  
MAHATHIR-UMNO

1976

SUNGAI PETANI, 24 OGOS (BERNAMA)--TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD HARI INI MENASIHAT AHLI-AHLI UMNO DALAM KESATUA SEKERJA JANGAN MELIBAT DIRI DALAM SEBARANG KEGIATAN YANG BOLEH MEMECAHBELAHKAN PERPADUAN PARTI.

KATANYA, PERPADUAN DALAM UMNO PERLU DIKEKALKAN KERANA IA MERUPAKAN BENTENG YANG KUKUH KEPADA KETAHANAN DAN KESELAMATAN NEGARA.

DR. MAHATHIR YANG JUGA NAIB PRESIDEN UMNO BERUCAP DEMIKIAN DI PERAYAAN ULANG TAHUN KE 30 PENUBUHAN UMNO MALAYSIA ANJURAN UMNO BAHAGIAN SUNGAI PETANI DI SINI.

BELIAU BERKATA MEMANDANG KEPADA HAL TERSEBUT AHLI-AHLI UMNO HENDAKLAH MEMILIH SAMADA TERUS MENYOKONG PARTI YANG MENDOKONG CITA-CITA RAKYAT DAN NEGARA ATAU KESATUAN YANG MEMPERJUANG HAK

DAN KEPENTINGAN PERSEORANGAN.

DR. MAHATHIR MENEKANKAN TIDAK SEORANGPUN BOLEH MEMBERI SUMBANGAN BERKESAN KEPADA DUA PERTUBUHAN YANG MEMPUNYAI DASAR DAN MATALAMAT BERTENTANGAN TANPA MENJEJAS CITA-CITA SALAH SATU DARIPADANYA.  
--BERSAMBUNG 2205/MD

££

B648

MAHATHIR-UMNO 2 SUNGAI PETANI

MENGENAI SURUHANJAYA GAJI IBRAHIM ALI, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, WALAUPUN ADA KESATUAN SEKERJA YANG MEMAHAMI TINDAKAN KERAJAAN KERAJAAN MENAGGUH PENGUMUMAN LAPURANNYA MASIH ADA KESATUAN YANG TERUS MENDESAK SUPAYA IA DIBUAT SEGERA.

DR. MAHATHIR MENERANGKAN, PENANGUHAN TERSEBUT BUKAN BERMAKNA KERAJAAN TIDAK BERSETUJU DENGAN LAPURAN ITU TETAPI BERTUJUAN MEMBOLEHKAN SATU TANGGA GAJI LAIN YANG MEMBERI KEUTAMAAN KEPADA PEGAWAI-PEGAWAI BERGAJI RENDAH DIADAKAN.

INI DI SEBABKAN TANGGA GAJI YANG DICADANGKAN ITU LEBIH MENGUNTUNGGAN PEGAWAI-PEGAWAI YANG BERGAJI TINGGI DARIPADA PEGAWAI-PEGAWAI RENDAH YANG LEBIH SUSAH.

KATANYA, ADALAH TIDAK ADIL MEMBERI KENAIKAN HANYA \$5 KEPADA PEGAWAI BERGAJI RENDAH SEDANGKAN PEGAWAI TINGGI MENDAPAT KENAIKAN HINGGA \$4,000.

BAGI MENJAMIN SETIAP GOLONGAN PEKERJA MENDAPAT TANGGA GAJI YANG BERPATUTAN KERAJAAN TERPAKSALAH MENANGGUH PELAKSANAAN LAPURAN GAJI TERSEBUT. --BERSAMBUNG 2210/MD

££

B649

MAHATHIR-UMNO 3 SUNGAI PETANI

DR. MAHATHIR MENAMBAH, SEKIRANYA LAPURAN TERSEBUT DILAKSANAKAN KERAJAAN TERPAKSA MENGADA PERBELANJAN TAMBAHAN SEBANYAK \$500 JUTA SETAHUN ATAUPUN \$2,500 JUTA DALAM TEMPOH LIMA TAHUN UNTUK MEMBAYAR GAJI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN.

DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA KERAJAAN AKAN MEMBELANJAKAN \$22,000 JUTA UNTUK PEMBAYARAN GAJI KEPADA 500,000 ORANG PEGAWAI KERAJAAN SAHAJA BERBANDING DENGAN \$18,600 JUTA UNTUK PEMBANGUNAN DALAM TEMPOH YANG SAMA.

INI ADALAH TIDAK ADIL, KATANYA. --BERNAMA 2213/MD